A

NOR MAZIAH IBRAHIM

lwn.

MOHD HARIS ABD RAHIM & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
ZAINAL ADZAM H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-61-1998]
19 JANUARI 2009

C ***TORT:*** *Penangkapan salah - Tindakan terhadap pihak polis - Sama ada defendan-defendan gagal mematuhi kehendak s. 23(1)(a) Kanun Acara Jenayah - Sama ada plaintif diberitahu sebab-sebab tangkapan semasa beliau ditangkap - Perintah reman - Sama ada teratur dan sah - Kanun Acara Jenayah, s. 117 - Sama ada plaintif diceroboh secara*
D *fizikal semasa pemeriksaan perubatan dijalankan atas badan beliau - Sama ada defendan-defendan telah melakukan fitnah secara kenyataan dan penyiaran terbuka terhadap plaintif - Sama ada kes plaintiff ditolak*

Plaintif telah ditangkap oleh pihak polis kerana disyaki terlibat
E dalam satu kesalahan pembuangan bayi di tandas wanita di bangunan City Point, Alor Star, Kedah pada 16 Oktober 1996. Pada 3 November 1996, plaintif telah diperintah ditahan selama tujuh hari di bawah s. 117 Kanun Acara Jenayah oleh Majistret Alor Star sehingga 9 November 1996. Pada 6 November 1996,
F plaintif telah dilepas daripada tahanan reman dengan jaminan polis. Akibat daripada penangkapan, reman dan urusan penyiasatan oleh pihak polis, plaintif telah failkan tindakan ini dan telah dalam pernyataan tuntutannya memohon perintah-perintah seperti berikut: (i) satu pengisytiharan bahawa perintah reman bertarikh
G 3 November 1996 adalah tidak sah; (ii) satu pengisytiharan defendan-defendan telah melakukan kesalahan tangkap terhadap plaintif; (iii) satu pengisytiharan defendan-defendan telah melakukan kesalahan kurungan terhadap plaintif; (iv) satu pengisytiharan defendan-defendan telah melakukan pencerobohan terhadap plaintif
H dan (v) satu pengisytiharan bahawa defendan-defendan 8, 9 dan 11 telah melakukan fitnah secara kenyataan dan penyiaran terbuka (defamation by libel and slander) terhadap plaintif. Isu-isu yang dibangkitkan adalah (i) sama ada plaintif tidak diberitahu sebab tangkapan semasa dia ditangkap (ii) sama ada defendan-defendan
I gagal mematuhi kehendak-kehendak s. 23(1)(a) Kanun Acara Jenayah; (iii) sama ada perintah reman yang dibuat oleh Majistret adalah teratur dan sah; (iv) plaintif mendakwa sentuhan fizikal oleh

defendan 11 (Pegawai Perubatan di Hospital Alor Star) kepada badan plaintif semasa pemeriksaan dijalankan oleh defendan 11; (v) tuntutan plaintif terhadap defendan 9 (SD2-Ketua Polis Daerah, Kota Setar) adalah berasaskan laporan akhbar Utusan Melayu (P3C) yang ditulis oleh wartawan SP4 mengenai kenyataan '... mengesahkan penahanan pelajar tersebut semalam, bagaimanapun enggan mengulas lanjut ...'; (vi) tuntutan plaintif terhadap defendan 8 (Pegawai Penyiasat Kanan) adalah berasaskan surat (P10) yang dihantar kepada Pengetua Sekolah Menengah Vokasional, Langkawi dan kandungannya yang dikatakan memfitnahkan plaintif; (vii) tuntutan plaintif terhadap defendan 11 atas kenyataan defendan 11 di dalam kehadiran defendan-defendan 4 dan 5 bahawa plaintif baru bersalin dan rahim plaintif terbuka.

Diputuskan (menolak kes plaintif dengan kos):

(1) Dakwaan plaintif bahawa beliau tidak diberitahu sebab-sebab dia ditangkap dan cuma dibawa ke balai polis untuk siasatan adalah tidak benar kerana mengikut SP3 (bapa plaintif) dia telah jumpa plaintif semasa masih dalam van polis dan berkata kepadanya 'Cakap yang benar.' Plaintif mengangguk sebagai jawapan kepada SP3. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua plaintif dan SP3 sebaik sahaja apabila ditangkap dan dibawa ke dalam van polis boleh berbincang mengenai tangkapan dan tahu mengenai sebab plaintif ditangkap. Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan tidak menetapkan bahawa alasan-alasan tangkapan dinyatakan 'serta merta' tetapi 'dengan seberapa segera yang boleh'. Plaintif juga mengesahkan dalam pemeriksaan balas bahawa dia diberitahu alasan-alasan tangkapan semasa dalam perjalanan dengan van ke balai polis. (perenggan 4)

(2) Pegawai Penyiasat, SD11 (defendan 1) dalam menjalankan penyiasatannya mengenai kes pembuangan bayi telah mendapat kenyataan daripada lapan saksi bahawa pada sekitar kejadian pada 14 Oktober 1996 seorang perempuan muda dalam lingkungan belasan tahun telah kelihatan di kawasan berhampiran tempat kejadian di bangunan City Point yang di belakang bajunya dipenuhi darah. Hasik daripada siasatan itu pihak polis telah menangkap seorang lelaki yang disyaki menginap di Hotel Kedai Kopi Kim Wah Oon pada hari kejadian bersama seorang perempuan yang disahkan sebagai plaintif. Daripada penyiasatannya SD11 juga telah mendapat

maklumat bahawa plaintif berkemungkinan perempuan yang terlibat dengan kesalahan tersebut melalui saksi-saksi yang lain *ie*, dua pencuci tandas City Point yang memberi gambaran untuk 'photo fit' wanita yang masuk dengan membawa bag plastik warna gelap ke tandas berkenaan. Dengan maklumat-maklumat tersebut, SD11 telah jelas mempunyai banyak sebab untuk mempunyai 'syak munasabah' bahawa wanita yang terlibat dengan kesalahan pembuangan bayi adalah plaintif. Tangkapan plaintif atas maklumat-maklumat sedemikian jelas memenuhi kehendak s. 23(1)(a) Kanun Acara Jenayah. (perenggan 6 & 7)

(3) Perkara-perkara yang dinyatakan dalam permohonan reman (D15) semuanya dilakukan oleh Pegawai Penyiasat Polis seperti pemeriksaan suspek di hospital; mengambil sampel darah plaintif untuk penganalisaan DNA oleh Jabatan Kimia dan kawad cam. Malahnya, plaintif dibebaskan pada 6 November 1996, iaitu tiga hari sebelum tamatnya tempoh perintah reman itu. Walaupun pemeriksaan oleh doktor di hosital pada 4 November 1996 mengesahkan bahawa plaintif tidak pernah mengandung, plaintif perlu menjalani kawad cam pada 5 November 1996 sebelum dibebaskan. Ini disebabkan bahawa kesalahan yang disiasat oleh pihak polis adalah pembuangan bayi bukan semata-mata melahirkan bayi. Untuk menyelesaikan penyiasatan pihak polis perlu menyiasat dengan lengkap dan sempurna. Tujuan perintah reman di bawah s. 117 Kanun Acara Jenayah adalah untuk membolehkan pihak polis melengkap dan menyelesaikan penyiasatan. Selain itu, s. 32(1) Akta Polis 1967 menghalang apa-apa tuntutan dibuat terhadap pihak polis sekiranya seseorang itu ditahan atas perintah reman yang dibuat oleh mahkamah di bawah s. 117 Kanun Acara Jenayah. Pihak polis perlu diberikan penuh kuasa tanpa menghiraukan tindakan perundangan untuk gantirugi daripada suspek-suspek. Ini adalah kerana daripada segi kepentingan awam semua kes-kes kesalahan perlu disiasat oleh pihak polis tanpa menghiraukan ancaman tuntutan sedemikian ke atas mereka kemudian. Jika tidak, keberkesanan dan tindakan penyiasatan ke atas kesalahan-kesalahan oleh pihak polis akan terjejas. Tuntutan plaintif untuk tahanan salah tidak ada merit. (perenggan 8, 9 & 10)

(4) Bagi pemeriksaan perubatan, sekiranya ada persetujuan diberi ke atas pemeriksaan tersebut, tuntutan pencerobohan akan gagal *(Aishah bt Kamsah v. Dr Rajinder Singh)*. Di sini, dakwaan plaintif bahawa pemeriksaan ke atas dirinya oleh defendan 11 tanpa persetujuan bapanya SP3 adalah tidak benar. Seterusnya, defendan 11 menyatakan bahawa penggunaan speculum dalam pemeriksaan plaintif adalah perlu untuk dia membuat pemeriksaan dalaman dan dapat melihat sama ada pintu rahim terbuka atau tidak bagi mengesahkan sama ada plaintif telah melahirkan anak atau tidak. Speculum merupakan alat yang memang digunakan untuk pemeriksaan wanita yang 'sexually active.' Kemasukan instrumen itu mengambil masa hanya 20 saat dan tidak membawa apa-apa kesakitan kepada subjek. Keterangan defendan 11 boleh dipercayai dan munasabah. Tidak ada apa-apa yang dibangkitkan oleh plaintif menunjukkan bahawa tindakan defendan 11 dalam kes ini berbeza atau keluar daripada amalan perubatan oleh seorang doktor dalam pemeriksaan yang dilakukannya ke atas plaintif. Ujian yang biasa ditetapkan oleh mahkamah untuk menentukan sama ada tindakan atau rawatan perubatan oleh doktor adalah cuai dalam kes ini tidak dipenuhi oleh plaintiff dalam kes ini. (perenggan 15, 17 & 18)

(5) Kenyataan '... mengesahkan penahanan pelajar tersebut semalam, bagaimanapun enggan mengulas lanjut' di dalam P3C tersebut menyokong tegasan defendan 9 bahawa dia hanya mengesahkan pertanyaan oleh SP4 melalui telefon mengenai penangkapan seorang perempuan mengenai kes pembuangan bayi. Pengesahan itu adalah berasaskan apa yang benar-benar berlaku dan bukan rekaan oleh defendan 9 untuk memfitnahkan plaintif. Tidak ada apa-apa dalam P3C yang berunsur fitnah di sisi undang-undang. Apabila kenyataan yang dipertikai dibukti sebagai benar, undang-undang tidak akan melindungi plaintif. Seterusnya, tiada apa-apa dalam P3C yang merujuk atau memperkenalkan perempuan yang ditangkap sebagai plaintif, sama ada secara terus atau secara tidak langsung. Malah plaintif sendiri dan bapanya SP3 setuju bahawa alamat tempat dia ditangkap yang dilampirkan dalam P3C adalah alamat yang salah. Oleh yang demikian, plaintif sekali lagi gagal memenuhi satu kehendak utama undang-undang untuk membuktikan tuntutan fitnahnya. (perenggan 19 & 20)

(6) Surat P10 telah disediakan oleh defendan 8 atas permintaan bapa plaintif sendiri (SP3) yang telah memberitahu bahawa plaintif diberhentikan sekolah kerana tidak hadir daripada 10 Jun 1996 sehingga 5 November 1996. Yang ketara sekali adalah tiada apa-apa dalam surat tersebut yang tidak benar atau palsu untuk memfitnahkan plaintif. Semuanya dalam surat berkenaan merupakan kenyataan yang benar mengenai penyiasatan rasmi pihak polis. Sekali lagi apabila dibuktikan bahawa kenyataan berkenaan sebagai benar, undang-undang tidak melindungi plaintif. Seterusnya, SD9 (Penolong Kanan Hal-Ehwal Murid di Sekolah Menengah Vokasional, Langkawi) telah menyatakan bahawa plaintif diberhentikan daripada sekolah kerana tidak hadir di sekolah dan bukan atas sebab-sebab yang lain. Tuntutan plaintif terhadap defendan 8 jelas tidak berasas. (perenggan 21 & 22)

(7) Dalam pemeriksaan balas oleh pihak plaintif, kedua-dua defendan 4 dan 5 tidak langsung soal mengenai kenyataan yang kononnya dibuat oleh defendan 11 bahawa plaintif baru bersalin. Defendan 11 sebaliknya telah menyediakan laporan pemeriksaannya ke atas plaintif yang dirujukkan olehnya kepada doktor pakar (SP2) yang mengesahkan dalam keterangannya bahawa laporan defendan 11 berpendapat daripada pemeriksaannya bahawa plaintif tidak pernah mengandung. Ini mengesahkan versi defendan 11 bahawa kenyataan yang didakwa oleh plaintif tidak dibuat olehnya. Tuntutan oleh plaintif ini oleh yang demikian disangkal dan tidak dibuktikan. (perenggan 23)

Kes-kes yang dirujuk:

Aishah Kamsah v. Dr Rajinder Singh & Ors [2001] 4 CLJ 269 HC ***(dirujuk)***

Calveley v. Chief Constable of Merseyside [1989] 1 AC 1228 ***(dirujuk)***

Caxton (Kelang) Sdn Bhd v. Susan Joan Labrooy & Anor [1987] 2 CLJ 36; [1987] CLJ (Rep) 504 HC ***(dirujuk)***

Chin Keow v. Government of Malaysia [1967] 2 MLJ 45 ***(dirujuk)***

Dato' Seri Anuar Ibrahim v. Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad [1999] 7 CLJ 32 HC ***(dirujuk)***

David Syme v. Canavan [1918] 25 CLR 234 ***(dirujuk)***

Dr Khoo James v. Gunapathy Muniandy [2002] SLR 414 ***(dirujuk)***

Gimstern Corp (M) Sdn Bhd & Anor v. Global Insurance Co Sdn Bhd [1987] 1 CLJ 123; [1987] CLJ (Rep) 102 SC ***(dirujuk)***

Hashim Saad v. Yahya Hasim [1977] 1 MLJ 259 ***(dirujuk)***

Hasnul Abdul Hadi v. Bulat Mohamed & Anor [1977] 3 LNS 2 ***(dirujuk)***

Hu Sepang v. Inspector Keong On Eng & Ors [1991] 2 CLJ 999; [1991] 2 CLJ (Rep) 739 HC ***(dirujuk)***
Knupffer v. London Express Newspaper Ltd [1944] AC 116 ***(dirujuk)***
Ladang Tai Tak (KT) Sdn Bhd v. Suppiah Andy Thavar [1999] 6 CLJ 348 HC ***(dirujuk)***
Lee Ah Chor v. Southern Bank Bhd [1991] 1 CLJ 667; [1991] 1 CLJ (Rep) 239 SC ***(dirujuk)***
MGG Pillai v. Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun [1995] 2 CLJ 912 CA ***(dirujuk)***
Ooi Ah Phua v. Officer-in-Charge Criminal Investigation Kedah/Perlis [1975] 1 LNS 117 ***(dirujuk)***
Saul Hamid Pakir Mohamad v. Inspector Abdul Fatah Abdul Rahman & Anor [1999] 6 MLJ 800 ***(dirujuk)***
Shaaban & Ors. v. Chong Fook Kam & Anor [1969] 1 LNS 170 ***(dirujuk)***
Soh Chun Seng v. CTOS - EMR Sdn Bhd [2004] 5 CLJ 46 HC ***(dirujuk)***
The Institute of Commercial Management United Kingdom v. The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd [1993] 2 CLJ 365 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Child Act 2001, s. 21
Criminal Procedure Code, ss. 23(1)(a), 117
Federal Constitution, art. 5(3)
Juvenile Courts Act 1947, ss. 7, 21
Police Act 1967, s. 32(1)

Bagi pihak plaintif - En Shan; T/n Vazeer Akhbar Majid & Co
Bagi pihak defendan - Pn Aliza Jamaluddin; Jabatan Peguam Negara

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Zainal Adzam H:

[1] Plaintif telah ditangkap oleh pihak polis pada 2 November 1996 lebih kurang 4 petang di rumah neneknya di Kampung Tebok, Simpang Empat, Sanglang, Perlis kerana disyaki terlibat dalam satu kesalahan pembuangan bayi di tandas wanita di bangunan City Point, Alor Setar, Kedah pada 14 Oktober 1996. Pada 3 November 1996 plaintif telah diperintah ditahan selama tujuh hari di bawah s. 117 Kanun Acara Jenayah oleh Majistret, Alor Setar sehingga 9 November 1996. Pada 6 November 1996 plaintif telah dilepas daripada tahanan reman dengan jaminan polis. Akibat daripada penangkapan, reman dan urusan penyiasatan oleh pihak polis, plaintif telah failkan tindakan ini dan telah dalam pernyataan tuntutannya memohon perintah-perintah seperti berikut:

A 1. Satu pengisytiharan bahawa perintah reman bertarikh 3 November 1996 adalah tidak sah/atau batal dan tidak berkuatkuasa terhadap plaintif;

2. Satu pengisytiharan bahawa defendan-defendan telah
B melakukan kesalahan tangkapan (wrongful arrest) terhadap plaintif;

3. Satu pengisytiharan bahawa defendan-defendan telah melakukan kesalahan penahanan dan kurungan (wrongful
C detention/imprisonment) terhadap plaintif;

4. Satu pengisytiharan bahawa defendan-defendan telah melakukan pencerobohan (assault/trespass to person) terhadap plaintif; dan,

D 5. Satu pengisytiharan bahawa defendan-defendan 8, 9 dan 11 telah melakukan fitnah secara kenyataan dan penyiaran terbuka (defamation by libel and slander) terhadap plaintif.

[2] Tuntutan-tuntutan plaintif boleh dengan ringkas dibahagikan
E kepada empat isu seperti berikut:

1. Tangkapan plaintif;

2. Reman plaintif;

F 3. Pencerobohan kepada plaintif; dan

4. Fitnah terhadap plaintif.

Tangkapan Plaintif

G **[3]** Plaintif bangkitkan perkara ini berasaskan dua alasan. Pertama, bahawa plaintif tidak diberitahu sebab tangkapan semasa dia ditangkap dan kedua, pihak defendan-defendan berkenaan telah gagal mematuhi kehendak-kehendak s. 23(1)(a) Kanun Acara Jenayah. Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan menetapkan
H bahawa jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segara yang boleh alasan-alasan dia ditangkap. Plaintif telah menyatakan bahawa semasa ditangkap dia langsung tidak diberitahu sebab dan dia cuma dibawa ke balai polis untuk siasatan. SD6 yang melakukan tangkapan walau bagaimanapun
I menyatakan bahawa plaintif dan neneknya diberitahu sebab plaintif ditangkap adalah di atas kes pembuangan bayi. Juga dalam

perjalanan ke balai polis SD6 sekali lagi beritahu plaintif mengenainya dan bertanya plaintif sama ada dia terlibat dengan kes tersebut.

[4] Mengenai perkara ini saya dapati bahawa dakwaan plaintif adalah tidak benar kerana mengikut SP3, bapa plaintif, dia telah jumpa plaintif semasa masih dalam van polis dan berkata kepadanya: "cakap yang benar". Plaintif mengangguk sebagai jawapan kepada SP3. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua plaintif dan SP3 sebaik sahaja apabila ditangkap dan dibawa ke dalam van polis boleh berbincang mengenai tangkapan dan tahu mengenai sebab plaintif ditangkap. Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan tidak menetapkan bahawa alasan-alasan tangkapan dinyatakan "serta-merta" tetapi "dengan seberapa segera yang boleh". Plaintif juga mengesahkan dalam pemeriksaan balas bahawa dia diberitahu alasan-alasan tangkapan semasa dalam perjalanan dengan van ke balai polis.

[5] Seksyen 23(1)(a) Kanun Acara Jenayah memperuntukan sedemikian:

> 23(1) any police officer or pengulu may without an order from a Magistret and without warrant arrest:
>
> > (a) any person who has been concerned in any offence committed any where in Malaysia which is a seizable offence under any law in force in any part of Malaysia in which it was committed or against whom a reasonable complaint has been made or credible information has been received or a reasonable suspicion exist of his hearing been so concerned;

Mengikut peruntukan tersebut seseorang pegawai polis boleh tangkap tanpa waran tangkapan mana-mana orang yang terlibat dengan kesalahan boleh ditangkap atau terhadapnya ada aduan yang munasabah atau ada keterangan yang dipercayai diterima terhadapnya atau ada syak munasabah bahawa dia terlibat dengan kesalahan berkenaan. Privy Council telah menjelaskan mengenai "syak munasabah" dalam kes *Shaaban & Ors. v. Chong Fook Kam & Anor* [1969] 1 LNS 170 seperti berikut:

> ... suspicion in its ordinary meaning is a state of conjecture or surmise where proof is lacking: "I suspect but cannot prove". Suspicion arises at or near the starting-point of an investigation of which the obtaining of *prima facie* proof is the end ... The is

A another distinction between reasonable suspicion and *prima facie* proof. *Prima facie* proof consists of admissible evidence. Suspicion can take into account matters that could not be put in evicence at all ...

B **[6]** Berasaskan ujian tersebut maklumat-maklumat yang boleh menjadi asas "syak munasabah" termasuk keterangan-keterangan dan maklumat hasil daripada penyiasatan polis dan ianya tidak semestinya setinggi bukit *prima facie* di mahkamah. Dalam kes ini pegawai penyiasat, SD11 (defendan 1) dalam menjalankan penyiasatannya mengenai kes pembuangan bayi telah mendapat kenyataan daripada lapan saksi. Daripada saksi-saksi tersebut SD11 telah mendapat maklumat bahawa pada sekitar hari kejadian pada 14 Oktober 1996 seorang perempuan muda dalam lingkungan belasan tahun telah kelihatan di kawasan berhampiran tempat kejadian, di bangunan City Point yang di belakang bajunya dipenuhi darah. Hasil daripada siasatan itu pihak polis telah menangkap seorang lelaki yang disyaki menginap di Hotel Kedai Kopi Kim Wah Oon pada hari kejadian bersama seorang perempuan yang disahkan sebagai plaintif.

E **[7]** Daripada penyiasatannya SD11 juga telah mendapat maklumat bahawa plaintif berkemungkinan perempuan yang terlibat dengan kesalahan tersebut melalui saksi-saksi yang lain seperti orang yang mendaftarkan plaintif dan lelaki tersebut di hotel, dua pencuci tandas City Point yang memberi gambaran untuk "photo-fit" (P27) wanita yang masuk dengan membawa beg plastik warna gelap ke tandas berkenaan serta seorang saksi yang ada bersama plaintif dan lelaki tersebut minum di kedai kopi pada 14 Oktober 1996 sebelum pasangan itu masuk ke hotel. Lelaki itu boleh mengecam plaintif dan teman lelakinya. Selain daripada itu saksi yang mendaftarkan plaintif dan teman lelakinya ke hotel itu mengesahkan bahawa ada tompokan darah di atas katil dalam bilik pasangan itu apabila dia masuk ke dalamnya. Hotel berkenaan berada dalam jarak 300 meter daripada City Point. Dengan maklumat-maklumat tersebut SD11 telah jelas mempunyai banyak sebab untuk mempunyai "syak munasabah" bahawa wanita yang terlibat dengan kesalahan pembuangan bayi adalah plaintif. Tangkapan plaintif atas maklumat-maklumat sedemikian jelas memenuhi kehendak s. 23(1)(a) Kanun Acara Jenayah.

I

Reman Plaintif

[8] Perintah reman oleh Majistret, Alor Star terhadap plaintif adalah pada 3 November 1996 tetapi plaintif telah failkan kesnya di Mahkamah Tinggi pada 4 April 1998, iaitu satu tahun lima bulan selepas tarikh perintah Majistret itu. Permohonan pengisytiharan tersebut oleh yang demikian merupakan satu perkara akademik. Adalah menjadi syarat asas bahawa mahkamah tidak akan membuat apa-apa perintah pengisytiharan mengenai perkara-perkara yang merupakan atau telah menjadi akademik (*Ladang Tai Tak (KT) Sdn. Bhd. v. Suppiah Andy Thavar & Ors* [1999] 6 CLJ 348; *Caxton (Kelang) Sdn. Bhd. v. Susan Joan Labrooy & Anor* [1987] 2 CLJ 36; [1987] CLJ (Rep) 504). Walau bagaimanapun, dalam kes ini saya dapati bahawa perintah reman yang dibuat oleh Majistret adalah teratur dan sah; dan yang pentingnya perkara-perkara yang dinyatakan dalam permohonan reman (D15) semuanya dilakukan oleh pegawai penyiasat polis seperti pemeriksaan suspek di hospital; mengambil sampel darah plaintif untuk penganalisaan DNA oleh Jabatan Kimia dan kawad cam. Malahnya, plaintif dibebaskan pada 6 November 1996, iaitu tiga hari sebelum tamatnya tempoh perintah reman itu. Walaupun pemeriksaan oleh doktor di hospital pada 4 November 1996 mengesahkan bahawa plaintif tidak pernah mengandung, plaintif perlu menjalani kawad cam pada 5 November 1996 sebelum dibebaskan. Ini disebabkan bahawa kesalahan yang disiasat oleh pihak polis adalah pembuangan bayi bukan semata-mata melahirkan bayi. Juga pihak polis mempunyai sekurang-kurangnya empat saksi yang boleh mengecam plaintif sebagai wanita yang mungkin terlibat dengan kesalahan berkenaan. Untuk menyelesaikan penyiasatan pihak polis perlu menyiasat dengan lengkap dan sempurna. Tujuan perintah reman di bawah s. 117 Kanun Acara Jenayah adalah untuk membolehkan pihak polis melengkap dan menyelesaikan penyiasatan (*Hashim b. Saad v. Yahya b. Hasim* [1977] 1 MLJ 259).

[9] Selain daripada itu s. 32(1) Akta Polis 1967 menghalang apa-apa tuntutan dibuat terhadap pihak polis sekiranya seseorang itu ditahan atas perintah reman yang dibuat oleh mahkamah di bawah s. 117 Kanun Acara Jenayah (*Saul Hamid b. Pakir Mohamad v. Inspector Abdul Fatah b. Abdul Rahman & Anor* [1999] 1 LNS 83, 820. Dalam menjalankan penyiasatan, pihak polis perlu diberikan penuh kuasa tanpa menghiraukan tindakan perundangan untuk

A gantirugi daripada suspek-suspek. Ini adalah kerana daripada segi kepentingan awam semua kes-kes kesalahan perlu disiasat oleh pihak polis tanpa menghiraukan ancaman tuntutan sedemikian ke atas mereka kemudian. Jika tidak keberkesanan dan tindakan penyiasatan ke atas kesalahan-kesalahan oleh pihak polis akan
B terjejas. Perkara ini ditegaskan oleh House of Lords dalam kes *Calveley v. Chief Constable of Merseyside* [1989] 1 AC 1228, 1238 sebagai berikut:

> ... all other considerations apart, it would plainly be contrary to
C public policy, in my opinion, to prejudice the fearless and efficient discharge by police officers of their vitally important public duty of investigating crime by requiring them to act under the shadow of a potential action for damages for negligence by the suspect.

[10] Kepentingan atau hak seseorang yang ditangkap perlu di-
D imbangkan dengan tanggungjawab polis untuk melindungi orang awam daripada penjenayah-penjenayah dengan menangkap mereka dan mengumpul apa-apa keterangan terhadap mereka. Sebabnya dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ooi Ah Phua v. Officer-in-Charge Criminal Investigation Kedah/Perlis* [1975] 1 LNS
E 117 seperti berikut:

> A balance has to be struck between the right of the arrested person to consult his lawyer on the one hand and on the other the duty of the police to protect the public from wrongdoers by
F apprehending them and collecting whatever evidence exists against them. The interest of justice is as important as the interest of arrested persons and it is well known that criminal elements are deterred most of all by the certainty of detection, arrest and punishment.

G Oleh yang demikian saya dapati bahawa tuntutan plaintif untuk tahanan salah tidak ada merit.

[11] Peguamcara plaintif juga telah menghujah bahawa oleh kerana plaintif dikurung dengan seorang dewasa semasa dalam tahanan, ianya merupakan satu pemungkinan tugas statutori kerana
H melanggar s. 7 Akta Mahkamah Juvana 1947 dan s. 21 Akta Kanak-Kanak 2001. Saya setuju dengan penghujahan bagi pihak defendan-defendan bahawa dakwaan ini tidak ada merit atas berapa alasan-alasan seperti berikut:

I

1. Akta Kanak-Kanak berkuatkuasa mulai 1 Mac 2001, iaitu sebelum kejadian dalam kes ini; A

2. Kemungkiran tugas statutori tidak diplid oleh plaintif dalam pernyataan tuntutannya. Oleh yang demikian isu ini tidak boleh dibangkitkan (*Lee Ah Chor v. Southern Bank Berhad* [1991] 1 CLJ 667; [1991] 1 CLJ (Rep) 239, *Gimstern Corp (M) Sdn Bhd & Anor v. Global Insurance Co Sdn Bhd* [1987] 1 CLJ 123; [1987] CLJ (Rep) 102); B

3. Plaintif gagal membuktikan apakah "kecederaan" yang dia alami akibat pemungkiran itu seperti dikehendaki di sisi undang-undang (*Hu Sepang v. Inspector Keong On Eng & Ors* [1991] 2 CLJ 999; [1991] 2 CLJ (Rep) 739); dan C

4. Seksyen 7 Akta Mahkamah Juvana 1947 menetapkan "orang dewasa yang dipertuduh atas apa-apa kesalahan". Plaintif gagal membuktikan sama ada orang dewasa berkenaan dituduh dengan apa-apa kesalahan. D

Pencerobohan Kepada Plaintif

E

[12] Tuntutan plaintif terhadap defendan 11 sepertimana diplid dalam pernyataan tuntutan berasaskan tort pencerobohan "assault". Pencerobohan kepada seseorang terdiri daripada beberapa tort, iaitu serangan (assault), serangan sentuh (battery) dan tahanan salah (false imprisonment). Tuntutan bagi tort pencerobohan sentuh melibatkan sentuhan fizikal atau pengunaan kekerasan fizikal kepada seseorang. Mengikut tuntutan sepertimana dikemukakan oleh plaintif dalam kes ini tuntutannya sepatutnya berasakan tort pencerobohan sentuh kerana apa yang didakwa terjadi merupakan sentuhan fizikal oleh defendan 11 kepada badan plaintif semasa pemeriksaan dijalankan oleh defendan 11. Bagi pemeriksaan perubatan, sekiranya ada persetujuan diberi ke atas pemeriksaan tersebut tuntutan pencerobohan akan gagal (*Asiah Kamsah v. Dr. Rajinder Singh & Ors* [2001] 4 CLJ 269). F G

[13] Pihak plaintif mendakwa bahawa kemasukan alat speculum oleh defendan 11 (pegawai perubatan di Hospital Alor Setar) ke dalam kemaluan plaintif merupakan pencerobohan kepada diri plaintif. lanya juga disebabkan bahawa kebenaran bapa plaintif tidak terlebih dahulu diperolehi kerana plaintif semasa itu berumur bawah 16 tahun. Plaintif juga menegaskan bahawa dokumen yang ditandatangani oleh bapa plaintif (SP3) merupakan permohonan H I

A pemeriksaan kerana disyaki dirogol. SP2 Pakar Perunding telah menyatakan bahawa pada pendapatnya dalam membuat pemeriksaan untuk menentukan kehamilan atau kelahiran anak oleh plaintif, tidak perlu untuk memakai speculum. Plaintif juga mendakwa bahawa defendan 4 dan 5, pegawai dan anggota polis
B wanita yang ada bersama semasa pemeriksaan oleh defendan 11, telah juga melaku pencerobohan kepada dirinya kerana telah memegang plaintif supaya dia tidak meronta.

[14] Pertama sekali, dakwaan plaintif bahawa pemeriksaan ke atas
C dirinya oleh defendan 11 tanpa persetujuan bapanya SP3 adalah tidak benar. Dokumen pesetujuan kepada pemeriksaan itu dipersetujui oleh SP3 apabila dirujuk kepadanya dalam pemeriksan balas. Berasaskan itu sahaja tuntutan plaintif ini harus gagal. Walaupun D5 merupakan dokumen untuk pemeriksaan sama ada
D subjek telah dirogol, ianya merupakan kesilapan teknikal oleh pihak polis. Yang penting tujuan dan hasil pemeriksaannya adalah sama yang sebenarnya dipohon oleh pihak polis kepada defendan 11. Dakwaan oleh SP3 bahawa dia tandatangani D9 hanya selepas defendan 11 memeriksa plaintif jelas tidak benar kerana SP3 tidak
E langsung membantah kepada pakar sakit puan SP2 mengenai pemeriksaan oleh defendan 11 tetapi sebaliknya setuju untuk SP2 memeriksa semula plaintif.

[15] Defendan 11 juga telah menyatakan bahawa pengunaan
F speculum dalam pemeriksaan plaintif adalah perlu untuk dia membuat pemeriksaan dalaman dan mendapat melihat sama ada pintu rahim terbuka atau tidak bagi mengesahkan sama ada plaintif telah melahirkan anak atau tidak. Speculum ditegaskan oleh defendan 11 merupakan alat yang memang digunakan untuk
G pemeriksaan wanita yang "sexually active". Keterangan ini tidak disangkal oleh pihak plaintif. Kemasukan instrumen itu mengambil masa hanya 20 saat dan tidak membawa apa-apa kesakitan kepada subjek. Defendan 11 menyatakan bahawa semasa pemeriksaan plaintif tidak mengalami apa-apa kesakitan dan kehadiran defendan-
H defendan 4 dan 5 adalah amalan biasa untuk keselamatan doktor berkenaan semasa memeriksa suspek dan untuk membantu beliau supaya plaintif tidak bergerak semasa pemeriksaan.

[16] Saya dapati bahawa keterangan defendan 11 boleh
I dipercayai dan munasabah. Saksi bagi pihak plaintif SP2, seorang pakar sakit puan tidak dipersoal mengenai sama ada kemasukan speculum ke dalam plaintif, iaitu satu alat perubatan khas untuk

tujuan berkenaan, akan membawa apa-apa kesakitan kepada plaintif. Walaupun SP2 telah menyatakan bahawa pada pandangannya alat speculum tidak perlu untuk pemeriksaan kerana plaintif menafikan dia "sexually active", defendan 11 dikehendaki oleh pihak polis dalam penyiasatan mereka untuk menentukan sama ada plaintif telah melahirkan bayi. Juga defendan 11 menjelaskan bahawa berbeza dengan klinik-klinik pakar, klinik kecemasan di mana dia bertugas pada masa itu tidak dilengkapi dengan alat-alat canggil seperti "ultrasound" yang digunakan oleh pakar-pakar lain dalam kes ini. Dalam pemeriksaan balas plaintif sendiri setuju bahawa ayahnya ada meminta anggota polis supaya dia diperiksa oleh doktor dan bahawa apabila doktor masukkan instrumen ke dalam kemaluannya ianya merupakan sebahagian daripada pemeriksaan doktor.

[17] Tiada ada apa-apa yang dibangkitkan oleh pihak plaintif menunjukan bahawa tindakan defendan 11 dalam kes ini berbeza atau keluar daripada amalan perubatan oleh seorang doktor dalam pemeriksaan yang dilakukannya ke atas plaintif. Malahnya selain daripada keterangan plaintif, tidak langsung dikemukakan kepada mahkamah amalan yang biasa dilakukan oleh doktor dalam keadaan atau urusan yang dijalankan oleh defendan 11. Keterangan SD2 perlu diteliti dalam konteks sebenar. SP2 apabila disoal oleh mahkamah sama ada dalam kes ini pengunaan speculum amalan biasa telah menjawab, "If you are sexually active then the answer is positive. She denies any sexual activities so not necessary to use the speculum." Walau bagaimanapun dalam pemeriksaan oleh defendan 11, plaintif beberapa kesan koyak telah didapati kepada rahim plaintif. Oleh yang demikian penafian oleh plaintif jelas tidak benar dan pengunaan speculum adalah tepat dan betul.

[18] SP2 juga mengesahkan bahawa speculum perlu untuk pemeriksaan dalaman. SP2 tidak menggunakan speculum kerana dia hanya buat pemeriksaan luar sahaja serta menggunakan alat ultrasound. Defendan 11 sendiri merujuk kepada doktor pakar sakit puan (SP2) untuk pengesahan hasil pemeriksaannya terhadap plaintif. Penjelasan defendan 11 mengenai apa yang dilakukan adalah arnalan biasa dan mengikut prosedur perubatan biasa tidak disangkal oleh pihak plaintif. Mengikut SP2 dalam pemeriksaan utama, "In this case the normal procedure was followed ie, patient goes to casualty and then referred to gynecologist for confirmation". Ujian yang biasa ditetapkan oleh mahkamah untuk

menentukan sama ada tindakan atau rawatan perubatan oleh doktor adalah cuai dalam kes ini tidak dipenuhi oleh plaintif dalam kes ini (*Chin Keow v. Government of Malaysia* [1967] 2 MLJ 45; *Dr Khoo James v. Gunapathy d/o Muniandy* [2002] SLR 414).

Fitnah Terhadap Plaintif Oleh Defendan 9

[19] Tuntutan plaintif terhadap defendan 9 (SD2 – Ketua Polis Daerah, Kota Setar) adalah berasaskan laporan akhbar Utusan Melayu (P3C) yang ditulis oleh wartawan SP4. Kandungan yang diplid oleh plaintif mengenai penyiaran berkenaan adalah seperti terdapat dalam perenggan 12(b) penyataan tuntutan plaintif. Yang ketara sekali dalam P3C ialah kenyataan "... mengesahkan penahanan pelajar tersebut semalam, bagaimanapun enggan mengulas lanjut ..." Kenyataan ini menyokong tegasan defendan 9 bahawa dia hanya mengesahkan pertanyaan oleh SP4 melalui telefon mengenai penangkapan seorang perempuan mengenai kes pembuangan bayi. Pengesahan itu adalah berasaskan apa yang benar-benar berlaku dan bukan rekaan oleh defendan 9 untuk memfitnahkan plaintif. Tidak ada apa-apa dalam P3C yang berunsur fitnah di sisi undang-undang. Apabila kenyataan yang dipertikai dibukti sebagai benar, undang-undang tidak akan melindungi plaintif. (*The Institute of Commercial Management United Kingdom v. The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd.* [1993] 2 CLJ 365). Juga justifikasi atau kebenaran merupakan satu pembelaan mutlak terhadap tindakan fitnah (*Hasnul b. Abdul Hadi v. Bulat b. Mohamed* [1977] 3 LNS 2; *Soh Chun Seng v. CTOS - EMR Sdn. Bhd.* [2004] 5 CLJ 46; *Dato' Seri Anuar Ibrahim v. Dato' Seri Dr. Mahathir b. Mohamad* [1999] 7 CLJ 32).

[20] Satu perkara lagi ialah bahawa tiada apa-apa dalam P3C yang merujuk atau memperkenalkan perempuan yang ditangkap sebagai plaintif, sama ada secara terus atau secara tidak langsung. Malah plaintif sendiri dan bapanya SP3 setuju bahawa alamat tempat dia ditangkap yang dilampirkan dalam P3C adalah alamat yang salah. Oleh yang demikian plaintif sekali lagi gagal memenuhi satu kehendak utama undang-undang untuk membuktikan tuntutan fitnahnya. (*David Syme v. Canavan* [1918] 25 CLR 234; *Knupffer v. London Express Newspaper Ltd.* [1944] AC 116; *MGG Pillai v. Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun* [1995] 2 CLJ 912.)

Fitnah Terhadap Plaintif Oleh Defendan 8

[21] Tuntutan plaintif terhadap defendan 8 (pegawai penyiasat kanan) adalah berasaskan surat bertarikh 8 Januari 1997 (P10) yang dihantar kepada Pengetua Sekolah Menengah Vokasional, Langkawi dan kandungannya yang dikatakan memfitnahkan plaintif adalah sepertimana diplid dalam perenggan 12 (c) penyata tuntutannya. Defendan 8 telah menyatakan bahawa P10 telah disediakan olehnya atas permiintaan bapa plaintif sendiri (SP3) yang telah memberitahu bahawa plaintif diberhentikan sekolah kerana tidak hadir daripada 10 September 1996 sehingga 5 November 1996. Yang ketara sekali adalah bahawa tiada apa-apa dalam surat tersebut yang tidak benar atau palsu untuk memfitnahkan plaintif. Semuanya dalam surat berkenaan merupakan kenyataan yang benar mengenai penyiasatan rasmi pihak polis. Juga pada masa tarikh surat berkenaan penyiasatan pihak polis belum selesai kerana mengikut pegawai penyiasat (SD11) pada 8 Januari 1997 siasatan terhadap plaintif belum ditutup kerana laporan DMA belum diterima. Sekali lagi apabila dibuktikan bahawa kenyataan berkenaan sebagai benar, undang-undang tidak melindungi plaintif.

[22] SP3 telah menyatakan bahawa SD9, iaitu Penolong Kanan Hal-Ehwal Murid di Sekolah Menengah Vokasional, Langkawi telah memberitahu plaintif tidak boleh bersekolah di sekolah berkenaan kerana kes polis terhadapnya dan SP3 diminta mendapatkan surat daripada pihak polis untuk mengesahkan bahawa plaintif tidak terlibat dengan apa-apa kesalahan. SD9 yang tidak dipanggil oleh pihak plaintif tetapi dipanggil oleh pihak defendan-defendan dalam pemeriksaan balas telah menyatakan bahawa plaintif diberhentikan daripada sekolah kerana tidak hadir di sekolah dan bukan atas sebab-sebab yang lain. Surat pemberhentian sekolah (D20) dikemukakan olehnya. Kenyataan SP2 itu disangkal oleh SD9 yang juga merigemukakan salinan-salinan surat daripada sekolah berkenaan (P21 A, B dan C) kepada SP3 sebagai bapa kepada plaintif yang jelas memberi amaran termasuk amaran terakhir kerana tidak hadir di sekolah sejak 10 September 1996 hingga 16 Oktober 1996. Dalam pemeriksaan balas SP3 sebenarnya setuju bahawa pada semasa kejadian penemuan bayi pada 14 Oktober 1996 plaintiff berada di sekitar kawasan kejadian, iaitu, di Hotel Kim Wah Hong. SP3 juga mengaku bahawa plaintiff menceritakan kepadanya bahawa dia tinggal di hotel tersebut dengan seorang lelaki bernama Norazidi bin Nordin. Dengan demikian tuntutan plaintif terhadap defendan 8 jelas tidak berasas.

A **Fitnah Terhadap Plaintif Oleh Defendan 11**

[23] Tuntutan plaintiff terhadap defendan 11 mengikut plantif ialah kenyataan oleh defendan 11, di dalam kehadiran defendan-defendan 4 dan 5 serta seorang jururawat, bahawa plaintif baru
B bersalin dan rahim plaintif terbuka. Dalam pemeriksaan balas oleh pihak plaintif, kedua-dua defendan 4 (Cif Inspektor) dan 5 (Lans Koperal) tidak langsung disoal mengenai kenyataan tersebut konon dibuat oleh defendan 11. Jururawat berkenaan juga tidak dipanggil untuk mengesahkan kenyataan oleh defendan 11 itu. Defendan 11
C sebaliknya telah menyediakan laporan pemeriksaannya ke atas plaintif yang dirujukkan olehnya kepada doktor pakar (SP2). SP2 mengesahkan dalam keterangannya bahawa laporan defendan 11 berpendapat daripada pemeriksaannya bahawa plaintif tidak pernah mengandung. Ini mengesahkan versi defendan 11 bahwa kenyataan
D yang didakwa oleh plaintiff tidak dibuat olehnya. Tuntutan oleh plaintiff ini oleh yang demikian disangkal dan tidak dibuktikan.

[24] Berasaskan semua yang dinyatakan sebelum ini kes plaintif ditolak dengan kos.

E

F

G

H

I